



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***TOLERANSI SOSIO-AGAMA DALAM KALANGAN BELIA  
DI KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA***

**BAHARIN BIN IDRIS**

**FEM 2017 3**



**TOLERANSI SOSIO-AGAMA DALAM KALANGAN BELIA  
DI KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA**

Oleh

**BAHARIN BIN IDRIS**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**April 2017**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**TOLERANSI SOSIO-AGAMA DALAM KALANGAN BELIA  
DI KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA**

**Oleh**

**BAHARIN IDRIS**

**April 2017**

**Pengerusi : Ahmad Tarmizi Talib, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan tahap toleransi sosio-agama dalam kalangan belia di Kuching, Sarawak. Kepelbagaian agama anutan telah menjadikan aspek toleransi amat penting dalam kehidupan harian. Toleransi boleh dilihat sebagai sikap untuk hidup bersama dalam sebuah masyarakat yang terdiri daripada penganut pelbagai agama, serta memiliki kebebasan untuk mengamalkan ritual agama masing-masing, tanpa adanya paksaan dan tekanan. Hubungan etnik di Malaysia merupakan satu perkara penting untuk dibahaskan. Hal ini kerana hubungan etnik tidak terlepas daripada elemen agama yang sememangnya dua-dua perkara tersebut mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Ia semakin kompleks apabila sesebuah negara tersebut mempunyai kepelbagaian etnik, budaya, agama dan latar belakang yang berbeza seperti Malaysia. Perbezaan budaya dan agama antara kumpulan sering hubungan etnik di Malaysia kerana banyak isu lapuk tidak diselesaikan secara perundangan. Isu hubungan etnik kebiasaannya hanya tertumpu kepada masyarakat Semenanjung Malaysia sahaja. Bagaimana senario hubungan etnik dan agama di bumi Borneo khususnya dalam kalangan belia Negeri Sarawak yang begitu rencam komposisi etniknya? Apakah toleransi sosio-agama di sana lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia? Justeru, objektif am kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap toleransi sosio-agama di Kuching. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Respondent kajian merupakan belia yang menetap di Kuching, Sarawak. Tahap toleransi agama diukur dengan menggunakan analisis deskriptif and ANOVA. Secara keseluruhannya tahap toleransi sosio-agama dalam kalangan responden ini berada pada tahap yang tinggi dan positif. Tahap toleransi diukur berpandukan enam domain utama, iaitu; sikap, persepsi, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku dan pengalaman. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan mengenai toleransi agama dalam kalangan pelbagai etnik yang dikaji. Kesimpulannya, toleransi agama dalam kalangan pelbagai etnik di Kuching, Sarawak berada pada tahap yang cukup baik. Model ini boleh dicontohi dan diaplikasi di Semenanjung Malaysia untuk mencapai perpaduan nasional secara menyeluruh.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia Senate in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**SOCIO-RELIGIOUS TOLERANCE AMONG YOUTH  
IN KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA**

**By**

**BAHARIN IDRIS**

**April 2017**

**Chairman : Ahmad Tarmizi Talib, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

The aim of this study is to describe the socio-religious tolerance level of youth in Kuching, Sarawak. The diversity of the religion of tolerance is a significant aspect of everyday life. Tolerance can be seen as a gesture to live together in a society consisting of various faiths, as well as having the freedom to practice their religious rituals, without any coercion and pressure. Ethnic relations in Malaysia is arguably an important matter for debate. This is because ethnic relations is inseparable from the religious element that indeed the two things were related very closely. It is more complex when a country has a diversity of ethnic, cultural, religious and different backgrounds such as Malaysia. Cultural and religious differences between groups often cause ethnic relations conflicts in Malaysia because many issues are not settled due to bad legislation. Currently, the issue of ethnic relations is confined to the Peninsular Malaysia only. How scenario of ethnic and religious relations especially among the youths of Sarawak? Is socio-religious tolerance is higher in Peninsular Malaysia? Thus, the general objective of this study aims to identify the level of socio-religious tolerance among the youths in Kuching, Sarawak. This study adopts an approach supported by quantitative data and qualitative data. The respondents of this study are the youths settled in Kuching. The level of religious tolerance was measured by using descriptive analysis and ANOVA. Qualitative data were collected to see any similarity or disparity between the quantitative and qualitative findings. Overall, the level of socio-religious tolerance among respondents is at a high level and positive. The level of tolerance is measured based on six major domains; attitude, perception, readiness, public opinion, behavior and experience. However, there are significant differences regarding religious tolerance among the various ethnic groups studied. As a conclusion, religious tolerance among the various ethnic groups in Sarawak are at a pretty good level. This model can be replicated and applied in Peninsular Malaysia to achieve national unity as a whole.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, dapat saya menyiapkan tesis ini. Langkah saya ini juga dipermudahkan berkat doa daripada insan tercinta, iaitu isteri Puan Norlidha Bt Baba serta anak-anak saya Norhafizah, Norhanani dan Muhamad Amirul yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.

Seterusnya perjalanan ini dipermudahkan dengan bimbingan Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib dan Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh yang sentiasa memberikan kritikan membina, dan menggariskan panduan yang jelas dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Terima kasih juga kepada Prof. Dr. Jayum Jawan, Penyandang Kursi Tun Razak di Ohio dan Prof. Dr. Zaid Ahmad yang memberi ruang dan peluang perjalanan saya menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ditujukan khas kepada pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui kajian yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib. Pembiayaan ini amat bermakna bagi pengkaji dalam menyiapkan tesis ini.

Sekalung jutaan terima kasih kepada Dr. Puvaneswaran, Sdr Rahimi, Sdr Razali, Sdr Zulkhairi dan rakan-rakan lain yang turut sama membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi memberi kerjasama sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Semoga hasil penyelidikan ini memberi manfaat kepada semua pihak dalam memelihara dan menjamin keharmonian sosial dan perpaduan nasional.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 20 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Baharin bin Idris bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Toleransi Sosio-Agama dalam Kalangan Belia di Kuching, Sarawak, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Zumilah binti Zainalaludin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Daud bin Awang, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Haris Abd Wahab, PhD**

Profesor Madya  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 6 Julai 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Encik Baharin bin Idris (GS38016)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RINGKASAN</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Hipotesis Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Limitasi Kajian	5
1.9 Kerangka Konsep	6
1.10 Teori: <i>The Seven Dimensions of Religion</i>	6
1.11 Kerangka Kerja	10
1.12 Pembahagian Bab	10
1.13 Rumusan	11
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Agama	12
2.3 Toleransi Agama	13
2.4 Teori Agama	19
2.5 Isu Toleransi Agama di Malaysia	22
2.6 Hubungan Etnik di Malaysia	26
2.7 Isu-Isu Berkaitan Agama di Dunia	28
2.8 Kajian-Kajian Terpilih	30
2.9 Rumusan	32
<b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Reka Bentuk Kajian	33
3.2 Lokasi Kajian	33
3.3 Persampelan	33
3.4 Instrumen Dan Pengukuran	35

3.5	Kajian Rintis	36
3.6	Tatacara Kajian dan Pengumpulan Data	37
3.7	Analisis Data	37
3.8	Rumusan	39

#### **4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Profil Responden	40
4.1.1	Taburan Umur	40
4.1.2	Taburan Jantina	40
4.1.3	Taburan Agama	41
4.1.4	Taburan Etnik	41
4.1.5	Tahap Pendidikan Rendah	42
4.1.6	Tahap Pendidikan Menengah	42
4.1.7	Tahap Pendidikan Tertinggi	43
4.1.8	Sektor Pekerjaan	43
4.1.9	Tahap Pendapatan	44
4.1.10	Status Perkahwinan	44
4.2	Tahap Toleransi Sosio-agama	45
4.3	Tahap Toleransi Sosio-agama Mengikut Latar Belakang Terpilih	46
4.3.1	Tahap Persepsi Mengikut Latar Belakang Etnik	46
4.3.2	Tahap Persepsi Mengikut Pendidikan Tertinggi	47
4.3.3	Tahap Sikap Mengikut Latar Belakang Etnik	48
4.3.4	Tahap Sikap Mengikut Pendidikan Tertinggi	48
4.3.5	Tahap Kesediaan Mengikut Latar Belakang Etnik	49
4.3.6	Tahap Kesediaan Mengikut Pendidikan Tertinggi	50
4.3.7	Tahap Pendapat Umum Mengikut Latar Belakang Etnik	51
4.3.8	Tahap Pendapat Umum Mengikut Pendidikan Tertinggi	52
4.3.9	Tahap Tingkah laku Mengikut Latar Belakang Etnik	53
4.3.10	Tahap Tingkah laku Mengikut Pendidikan Tertinggi	54
4.3.11	Tahap Pengalaman Mengikut Latar Belakang Etnik	55
4.3.12	Tahap Pengalaman Mengikut Pendidikan Tertinggi	56
4.4	Perbezaan Toleransi Sosio-Agama Mengikut Anutan Agama	56
4.4.1	Perbezaan Persepsi Mengikut Agama	57
4.4.2	Perbezaan Sikap Mengikut Agama	57
4.4.3	Perbezaan Kesediaan Mengikut Agama	58
4.4.4	Perbezaan Pendapat Umum Mengikut Agama	59
4.4.5	Perbezaan Tingkah Laku Mengikut Agama	59
4.4.6	Perbezaan Pengalaman Mengikut Agama	60

<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	61
5.3	Implikasi Kajian	62
5.4	Cadangan	62
	<b>RUJUKAN</b>	66
	<b>LAMPIRAN</b>	72
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	80



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Kerangka Konsep	6
1.2	Tujuh Dimensi Agama yang Diperkenalkan oleh Ninian Smart	7
3.1	Proses Persampelan Kajian	35



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
2.1	Tujuh Dimensi Smart	19
3.1	Nilai Alpha Setiap Bahagian	37
4.1	Taburan Umur	40
4.2	Taburan Jantina	40
4.3	Taburan Agama	41
4.4	Taburan Etnik	41
4.5	Tahap Pendidikan Rendah	42
4.6	Tahap Pendidikan Menengah	42
4.7	Tahap Pendidikan Tertinggi	43
4.8	Sektor Pekerjaan	43
4.9	Tahap Pendapatan	44
4.10	Status Perkahwinan	44
4.11	Tahap Toleransi Agama	45
4.12	Taburan Skor Persepsi Mengikut Latar Belakang Etnik	46
4.13	Tahap Persepsi Mengikut Pendidikan Tertinggi	47
4.14	Taburan Skor Sikap Mengikut Latar Belakang Etnik	48
4.15	Tahap Sikap Mengikut Pendidikan Tertinggi	48
4.16	Taburan Skor Kesianaan Mengikut Latar Belakang Etnik	49
4.17	Tahap Kesianaan Mengikut Pendidikan Tertinggi	50
4.18	Taburan Skor Pendapat Umum Mengikut Latar Belakang Etnik	51
4.19	Tahap Pendapat Umum Mengikut Pendidikan Tertinggi	52
4.20	Taburan Skor Tingkah Laku Mengikut Latar Belakang Etnik	53
4.21	Tahap Tingkah Laku Mengikut Pendidikan Tertinggi	54
4.22	Taburan Skor Pengalaman Mengikut Latar Belakang Etnik	55
4.23	Tahap Pengalaman Mengikut Pendidikan Tertinggi	56
4.24	Perbezaan Persepsi Mengikut Agama	57
4.25	Perbezaan Sikap Mengikut Agama	57
4.26	Perbezaan Kesianaan Mengikut Agama	58
4.27	Perbezaan Pendapat Umum Mengikut Agama	59
4.28	Perbezaan Tingkah Laku Mengikut Agama	59
4.29	Perbezaan Pengalaman Mengikut Agama	60

## SENARAI SINGKATAN

PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>





# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan toleransi agama dalam usaha memahami hubungan sesama manusia meningkatkan kesejahteraan sosial dalam kehidupan harian. Perbincangan ini juga meliputi pernyataan masalah toleransi yang menyebabkan kajian ini wajar dikaji dan beberapa persoalan yang timbul daripada permasalahan tersebut. Pengkaji juga menjelaskan objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan kerangka konsep bagi menjadikan kajian ini lebih memfokus. Kupasan mengenai teori juga turut dijelaskan dalam bab ini secara ringkas.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan salah satu daripada kebanyakan negara di Asia Tenggara yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Perjalanan sejarah telah membentuk masyarakat Malaysia yang unik dengan kepelbagaian sosio-budaya dan agama. Kepelbagaian ini yang merupakan antara sebab hubungan antara penganut agama menjadi menarik. Apabila kita meneliti tahap hubungan tersebut, didapati terdapat pasang dan surutnya (Ahmad, 2003; 2007). Beberapa kenyataan perlu diberikan perhatian terlebih dahulu bagi memudahkan pemahaman yang lebih berkaitan hubungan sosio-agama. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) merekodkan penduduk Malaysia berjumlah 30 juta orang yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India, Orang Asli dan etnik minoriti lain yang sering digambarkan hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Dalam melindungi amalan beragama, Perlembagaan Persekutuan (Artikel 3), memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan, manakala agama-agama lain bebas diamalkan oleh para penganutnya. Justeru itu, agama-agama lain selain agama Islam diamalkan tanpa sebarang sekatan. Ia dapat dilihat dengan jelas terutamanya di kawasan bandar kerana masyarakat selain Islam majoritinya berada di bandar berbanding di kawasan luar bandar. Kawasan luar bandar majoritinya didiami oleh masyarakat Melayu Islam.

Di Malaysia, kepercayaan kepada Tuhan dijadikan sebagai tonggak pertama Rukun Negara, dan kehidupan rakyat adalah berasaskan pada pegangan agama masing-masing. Sejak kebelakangan ini, perbincangan tentang hubungan antara agama khususnya antara penganut Islam dan bukan Islam menjadi semakin penting, terutama selepas tercetusnya isu murtad Lina Joy pada tahun 1997. Begitu juga dengan isu pemusnahan rumah ibadat agama Hindu serta beberapa kes penghinaan rumah ibadat seperti masjid dan gereja yang berlaku. Penganut agama yang pelbagai merasa terancam oleh isu-isu tersebut, seolah-olah Artikel 3 seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tidak lagi mampu menjamin kebebasan beragama dalam masyarakat.

Pembentukan masyarakat Malaysia yang menggabungkan pelbagai kumpulan etnik menjadikannya sebuah negara yang unik. Kehadiran etnik Cina dan India ke Tanah Melayu akibat dasar penjajahan British adalah merupakan kesinambungan kepada pembentukan masyarakat multi-etnik di Tanah Melayu. Kedatangan etnik Cina dan India dapat dijejak jauh lebih awal dari itu (Talib A. T, 2010). Ketika dibentuk Perlembagaan Persekutuan sebagai persiapan mendapatkan kemerdekaan, pihak yang terlibat dalam rundingan telah bersetuju untuk meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan dalam masa yang sama penganut lain diberi hak untuk bebas mengamalkan agama mereka (Laporan Akhir Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia, 2001-2005).

Kepelbagaian agama anutan telah menjadikan aspek toleransi amat penting dalam kehidupan harian. Toleransi boleh dilihat sebagai sikap untuk hidup bersama dalam sebuah masyarakat yang terdiri daripada penganut pelbagai agama, serta memiliki kebebasan untuk mengamalkan ritual agama masing-masing, tanpa adanya paksaan dan tekanan (Verkuyten & Slooter, 2007).

Terdapat banyak dasar kerajaan yang telah dirumuskan untuk meningkatkan dan seterusnya mengekalkan integrasi etnik seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Sosial Negara, Dasar Kebudayaan Negara dan Dasar Pendidikan Negara. Daripada kesemua polisi-polisi tersebut yang telah diwujudkan dan dilaksanakan, ternyata bahawa dasar tersebut telah dibangunkan untuk mengharmonikan integrasi etnik. Namun begitu, dasar-dasar tersebut dilihat kurang mengambil kira isu-isu agama dalam penggubalannya. Sekiranya diteliti secara mendalam, didapati bahawa elemen agama merupakan elemen penting dalam pembentukan identiti etnik masyarakat Malaysia sehingga ia disebut sebagai *ethnic identifier* (Aziz & Shamsul, 2004; Shamsul, 2005; Hassan, 2012). Dengan meletusnya beberapa isu dalam konteks hubungan antara penganut agama akhir-akhir ini, perbincangan mengenai toleransi antara penganut agama menjadi semakin penting. Kepentingan isu ini bukan sahaja kepada Malaysia malah juga seluruh dunia memandangkan hampir tidak ada negara dunia yang penduduknya hanya mengamalkan satu agama ( Talib A. T & Gill, 2012).

Sejak abad ke-15 Islam adalah agama yang dominan di dunia Melayu dan menjadi simbol perpaduan dan identiti agama serta budaya kepada orang Melayu (Means, 1978). Ketika kemerdekaan Malaysia, agama Islam telah menjadi antara faktor utama di dalam pembentukan Perlembagaan Malaysia. Seterusnya, semasa kemerdekaan pada tahun 1957 Islam dan orang Melayu telah diberi status yang istimewa dalam Perlembagaan Malaysia (Mastor, Jin, & Cooper, 2000).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Hubungan etnik di Malaysia merupakan satu perkara yang penting untuk dibahaskan. Ini kerana hubungan etnik tidak terlepas daripada elemen agama yang sememangnya dua-dua perkara tersebut mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Ia semakin kompleks apabila sesebuah negara tersebut mempunyai kepelbagaian etnik, budaya, agama dan

latar belakang yang berbeza seperti Malaysia. Di Malaysia, pengenalan etnik amat berkait dengan agama. Agama Islam dianuti majoriti Melayu, manakala agama Buddha, Konfucius dan Taoisme dianuti kaum Cina serta Hindu dianuti oleh kaum India dan lain-lain (Rahimin *et al.*, 2011). Agama dan etnik telah menjadi identiti kelompok yang saling melengkapi sehinggakan kelompok etnik disamakan dengan kelompok agama (Shamsul, 2012).

Perbezaan budaya dan agama antara kumpulan sering menimbulkan isu hubungan etnik di Malaysia kerana banyak isu lapuk tidak diselesaikan secara perundangan. Antara isu yang masih belum selesai ialah kes murtad, perkahwinan di antara agama dengan kedudukan status anak bagi mereka yang baru memeluk dan yang keluar dari Islam (Mansor, 2010). Pelbagai isu yang belum diselesaikan ini memberi kesan jangka masa panjang kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu di Malaysia.

Isu hubungan etnik kebiasaannya hanya tertumpu kepada masyarakat Semenanjung Malaysia sahaja. Adakah hubungan masyarakat etnik di Sarawak yang dilihat lebih tenang berbanding negeri-negeri Semenanjung menyebabkan tumpuan kurang dilakukan atau kesimpulan yang dapat disimpulkan negeri ini tidak mempunyai masalah dalam hubungan etnik? Bagaimana senario hubungan etnik dan agama di bumi Borneo khususnya dalam kalangan belia negeri Sarawak yang begitu rencam komposisi etniknya? Apakah toleransi sosio-agama di sana lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia? Namun persoalan ini masih tidak terjawab, dan bertepatan dengan kajian ini dapat memenuhi kelompongan yang telah ditinggalkan oleh pengkaji sebelum ini. Malah isu ini turut dilihat penting bagi golongan belia yang merupakan pelapis kepimpinan untuk membawa hala tuju negara pada masa akan datang. Tanpa toleransi sosio-agama yang tinggi maka agak sukar untuk golongan belia yang ada pada hari ini untuk mengembleng tenaga dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu.

Justeru, masyarakat Malaysia perlu terus memupuk sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada etnik Melayu, Kadazan-Dusun, Bidayuh, Iban, Melanau, Bajau, Senoi, Cina, India dan lebih 200 suku etnik lain. Sikap dan tindakan toleransi dan penerimaan etnik perlu menjadi darah daging dan menjadi pakaian harian dalam pergaulan masyarakat Malaysia, supaya perbezaan bahasa, budaya, agama dan tradisi kehidupan diperakui, diterima dan dihormati bersama (Mansor, 2010). Alangkah malang, sekiranya golongan belia yang diharapkan untuk memikul tanggungjawab mengekalkan keharmonian, menjadi punca terhadap konflik dan meruntuhkan benteng keharmonian yang telah sekian lama dipertahankan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap toleransi sosio-agama belia di Kuching, Sarawak?

2. Apakah tahap persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku, dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama mengikut faktor latar belakang kaum, dan pendidikan belia di Kuching, Sarawak?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku, dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama dalam kalangan belia berdasarkan latar belakang agama di Kuching, Sarawak?

### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap toleransi sosio-agama di Kuching, Sarawak. Objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap toleransi sosio-agama belia di Kuching, Sarawak.
2. Untuk mengenal pasti tahap persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku, dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama mengikut faktor latar belakang kaum dan pendidikan belia di Kuching, Sarawak.
3. Untuk membandingkan perbezaan tahap persepsi, sikap, kesediaan, pendapat umum, tingkah laku, dan pengalaman terhadap toleransi sosio-agama berdasarkan demografi agama di Kuching, Sarawak.

### **1.6 Hipotesis Kajian**

$H_0^1$ : nilai purata toleransi agama (persepsi) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_a^1$ : nilai purata toleransi agama (persepsi) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_0^2$ : nilai purata toleransi agama (sikap) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_a^2$ : nilai purata toleransi agama (sikap) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_0^3$ : nilai purata toleransi agama (kesediaan) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_a^3$ : nilai purata toleransi agama (kesediaan) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_0^4$ : nilai purata toleransi agama (pendapat) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

$H_a^4$ : nilai purata toleransi agama (pendapat) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

H0<sup>5</sup>: nilai purata toleransi agama (tingkah laku) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

Ha<sup>5</sup>: nilai purata toleransi agama (tingkah laku) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

H0<sup>6</sup>: nilai purata toleransi agama (pengalaman) adalah sama untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

Ha<sup>6</sup>: nilai purata toleransi agama (pengalaman) adalah berbeza untuk agama, tahap pendidikan dan etnik.

### **1.7 Kepentingan Kajian**


Melalui hasil kajian ini, ia diharap dapat memberi gambaran sejauhmana tahap toleransi agama, terutama dalam konteks sosial di Sarawak. Dapatan data kajian ini boleh memberi manfaat kepada banyak pihak terutamanya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam menilai status hubungan antara agama dalam masyarakat. Ia juga dapat membantu pihak kerajaan melaksanakan program yang diperlukan bagi memperkukuhkan lagi toleransi sosio-agama di Malaysia seterusnya mempertingkatkan keharmonian sosial.

Kajian ini juga turut diharapkan dapat memberi sumbangan kepada bidang pengetahuan dalam konteks pemahaman antara penganut pelbagai agama. Di samping itu, ia dapat menambah lagi khazanah ilmu untuk dijadikan bahan bacaan serta dijadikan sumber rujukan ilmiah. Oleh yang demikian, setelah lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan, toleransi agama dalam kalangan rakyat Malaysia perlu untuk dinilai secara objektif dengan melihat kematangan dan juga perkembangan dari segi sosio-ekonomi dan juga cara gaya hidup masyarakat Malaysia yang memberikan kesan kepada pemikiran dan juga tingkah laku mereka.

### **1.8 Limitasi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan ke atas responden yang terdiri daripada responden belia yang berumur 18 hingga 40 tahun di Kuching, Sarawak. Sehubungan itu, hasil kajian ini adalah khusus bagi negeri Sarawak sahaja dan pemakaian hasil kajian ini terhadap negeri lain adalah bergantung kepada kesesuaian situasi dan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini terhad kepada belia (18-40 tahun) di Kuching, Sarawak yang terdiri daripada belia lelaki dan perempuan dari pelbagai agama. Kesahihan hasil kajian juga ditentukan oleh kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan melalui pengedaran borang kaji selidik untuk kajian ini. Elemen toleransi yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada instrumen kajian yang telah dibangunkan oleh Talib A. T (2010) bersama pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan.

## 1.9 Kerangka Konsep




**Rajah 1.1: Kerangka Konsep**

Kerangka konsep di atas menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Tiga jenis faktor sosio-demografi iaitu; agama, tahap pendidikan dan etnik digunakan untuk mengukur tahap toleransi agama. Tahap toleransi agama ini diukur mengikut lima dimensi iaitu; persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku dan pengalaman. Justeru, agama, tahap pendidikan dan etnik merupakan pemboleh ubah bebas (*independent variables*), manakala persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku dan pengalaman merupakan pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*).

## 1.10 Teori: *The Seven Dimensions of Religion*

Teori yang dipilih bersesuaian dengan kajian ini ialah teori agama tujuh dimensi oleh Ninien Smart (1991). Agama berasal dari perkataan Sanskrit iaitu kombinasi “a” bermakna tidak dan “gama” pula membawa maksud kacau dan ini menjadikan agama bermaksud peraturan atau tidak kacau (Zulkipli Abd.Ghani & Abu Mansor, 2006). Agama memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya serta tamadun manusia. Agama juga mempengaruhi perlakuan dan pertuturan seseorang serta cara mereka bergaul dan melayan orang lain di sekeliling mereka. Menurut Wong (2011), kita tidak dilahirkan di dunia ini tanpa sebarang tujuan dan setiap daripada kita harus memenuhi misi kecil atau yang besar mengikut apa-apa doktrin yang perlu kita patuhi.



**Rajah 1.2: Tujuh Dimensi Agama yang Diperkenalkan oleh Ninian Smart (1991)**

Ninian Smart merupakan seorang penulis dan pendidik dari Scotland. Beliau merupakan pelopor pengajian bidang agama sekular. Ninian amat terkenal dengan model tujuh dimensi agama beliau. Seseorang dapat memahami agamanya dan mampu untuk berkomunikasi dengan orang lain mengenai perkara berkaitan agama sekiranya mereka dapat mendekati tujuh dimensi agama tersebut. Tujuh dimensi tersebut ialah *The Practical and Ritual Dimensions*, *The Experiential and Emotional Dimension*, *The Narrative Dimension*, *The Doctrinal and Philosophical Dimension*, *The Ethical and Legal Dimension*, *The Social and Institutional Dimension* dan *The Material Dimension*. Mengikut skema Smart, bukan semua dimensi tersebut diaplikasi secara sama rata kepada penganut sesebuah agama (O'Brien & Kelly, 2005).

Smart mendefinisikan agama sebagai “organisma dengan tujuh dimensi” (Lane, 2014). Menurut Smart, agama dikaitkan dengan organisma untuk menunjukkan ianya hidup dan aktif. Tujuh dimensi agama tersebut merupakan ciri-ciri yang membentuk agama. Ciri-ciri tersebut boleh dikaitkan dengan mitos, ritual, pengalaman agama, doktrin, etika, institusi sosial dan juga objek material sesuatu agama. Smart menjelaskan bahawa sesuatu kumpulan hanya boleh digelar sebagai agama jika ianya mempunyai ciri-ciri tersebut.

Dimensi pertama yang dikemukakan oleh Smart ialah *The Practical and Ritual Dimensions*. Setiap agama mempunyai amalan tersendiri apabila mereka berhadapan

dengan tuhan. Dari segi perspektif agama, dimensi ini merujuk pada amalan dan ritual yang berbeza tradisi dan budaya seperti ibadah, pendakwaan, solat, meditasi, pengakuan, pengorbanan, persembahan dan upacara-upacara suci yang lain. Jika dilihat tanpa pengaruh agama, dimensi ini merupakan cara masyarakat untuk mengulangi mitos dan cerita bagi mengesahkan dan menyatakan kepercayaan mereka melalui tindakan (Esch, 2013). Amalan-amalan ini boleh diamalkan secara terbuka atau rahsia. Sebagai contoh, upacara suci di Australia yang melibatkan agama orang asli diamalkan secara terbuka.

Dimensi kedua ialah *The Experiential and Emotional Dimension*. “Experience” merupakan dimensi yang paling sukar dijelaskan (O’Brien & Kelly, 2005). Pengalaman agama merupakan satu keistimewaan bagi orang beragama berbanding dengan orang tidak beragama. Pengumpulan pengalaman dan pengetahuan tentang agama boleh membina modal agama yang penting dan perlu untuk mendapatkan kemahiran serta pendekatan terhadap sesebuah agama (Esch, 2013). Pengalaman agama adalah berbeza bagi setiap orang sama seperti perbezaan agama. Sebagai contoh penganut agama Buddha bercakap tentang pencerahan yang diperolehi melalui pengalaman bermeditasi. Dimensi ini amat penting dalam Buddha kerana mereka melihat kehidupan agama sebagai penting untuk transformasi diri sendiri.

Dimensi ketiga ialah *The Narrative Dimension*. “Dimensi ini menyajikan kisah atau cerita-cerita suci untuk direnungkan dan dipetik maknanya” (Kanisius, 2010). Melalui cerita, manusia menyampaikan tentang Pencipta dan perkara yang dilaksanakan olehnya bagi seluruh umat manusia. Menurut Esch, mitos dan cerita-cerita suci ini dibawa secara turun-temurun dan dari segi agama ianya merujuk pada “Yang Maha Suci”(tuhan). Cerita dan puisi merupakan cara lebih sesuai untuk menjelaskan perkara-perkara yang tidak dapat dijelaskan melalui wacana akademik (Smith & Burr, 2014). Cerita-cerita ini mempunyai sejarah yang bercampur tentang hagiografi dan simbolisme yang disajikan melalui lisan atau bertulis. Smart menekankan bahawa beliau menggunakan istilah “mitos” dari segi teknikal untuk merujuk pada cerita yang mempunyai signifikansi agama (Black, 1996).

Dimensi keempat yang dikemukakan oleh Smart ialah *The Doctrinal and Philosophical Dimension*. Doktrin merupakan cara terpantas bagi menyatakan makna pengalaman agama dan cerita (Smith & Burr, 2014). Menurut Smith dan Burr, apabila seseorang dapat memahami doktrin berkaitan pandangan hidup maka mereka dapat memahami sebab setiap ahlinya bertindak sedemikian. Doktrin mempengaruhi ritual, etika, sosial dan bentuk budaya yang dijana dari pandangan mengenai hidup. Doktrin ini merupakan satu penggubalan sistematik tentang ajaran agama dan kepercayaan yang boleh ditulis dalam teks suci atau disampaikan secara lisan. Doktrin juga dapat membantu kita untuk menyatakan pandangan mengenai hidup secara jelas dan ringkas. Isi kandungan yang terdapat dalam doktrin adalah berbeza mengikut agama. Sesetengah kitab agama seperti Hindu, Buddha, Judaisme, Kristian dan Islam mencatatkan doktrin dan cerita-cerita mengenai agama (Black, 1996).

Dimensi kelima ialah *The Ethical and Legal Dimension*. Menurut Smart, dimensi ini memberi fokus pada undang-undang yang menggabungkan budaya dengan struktur




dalam bentuk formal dan bukan formal serta disebarakan melalui tulisan atau lisan yang perlu diterima oleh pengikutnya (Esch, 2013). Menurut Kanisius (2010), ajaran-ajaran agama yang menjadi keyakinan dan pandangan hidup sesuatu agama bukan sahaja perlu difahami malah perlu dilaksanakan dalam kehidupan seseorang. Dimensi etika merujuk pada kebenaran atau kebaikan tingkah laku manakala dimensi legal berkaitan dengan ketepatan tingkah laku seseorang. Tingkah laku beretika agama yang dominan biasanya menguasai sesebuah masyarakat (Lane, 2014). Bilangan piawaian etika yang dianggap sebagai global adalah sangat sedikit.

Dimensi keenam ialah *The Social and Institutional Dimension*. Agama mempunyai aspek perkauman serta bentuk institusi tersendiri (Lane, 2014). Apabila manusia berkongsi pengalaman hidup maka mereka akan bersatu untuk menyokong dan berbincang sesama sendiri. Penglibatan mereka boleh membawa pada pembentukan institusi. Setiap agama mempunyai institusi agama tersendiri walaupun secara praktikal seseorang boleh mengamalkan kepercayaan agamanya tanpa bergabung dengan penganut-penganut lain. Sesetengah agama juga mempunyai lebih daripada satu modal institusi agama. Sebagai contoh, agama Kristian mempunyai sistem yang lebih formal and berhirarki di Gereja Rome berbanding dengan Gereja Protestan yang tidak formal dan mempunyai struktur yang sama.

Dimensi terakhir dalam tujuh dimensi agama oleh Smart ialah *The Material Dimension*. Dimensi ini merujuk pada karya seni, artifak agama, bangunan, tempat, alat-alat yang digunakan untuk pemujaan dan sebagainya. Artifak dan kesenian yang terdapat dalam sesuatu agama adalah berbeza dengan agama lain. Sebagai contoh, Agama Kristian lebih mengutamakan seni yang menggambarkan manusia. Ini kerana, agama Kristian mempercayai bahawa Jesus mengambil rupa-bentuk manusia. Namun, agama Islam mempercayai bahawa tuhan adalah bebas dari sebarang rupa-bentuk. Seni-seni dalam agama Islam lebih berbentuk geometri.

Teori ini menekankan aspek pengalaman secara mendalam menerusi dimensi. Walaubagaimanapun, aspek-aspek lain seperti persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku tidak diberi perhatian. Justeru, dalam kajian ini, tahap toleransi agama akan diukur secara menyeluruh menggunakan lima dimensi iaitu persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku dan pengalaman.

### 1.11 Kerangka Kerja



Kerangka kerja di atas menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini. Tiga jenis faktor sosio-demografi iaitu; agama, tahap pendidikan dan etnik digunakan untuk mengukur tahap toleransi agama. Tahap toleransi agama ini diukur mengikut enam dimensi iaitu; persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku dan pengalaman. Justeru, agama, tahap pendidikan dan etnik merupakan pemboleh ubah bebas (*independent variables*), manakala persepsi, sikap, kesediaan, pendapat, tingkah laku dan pengalaman merupakan pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*).

### 1.12 Pembahagian Bab

Tesis ini dipersembahkan dalam bentuk bab supaya ia lebih tersusun dan mudah difahami. Bab 1 (Pendahuluan) mengandungi latar belakang kajian, iaitu pengenalan, kenyataan masalah, objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, metodologi kajian dan teori yang dijadikan landasan dalam perbahasan. Bab 2 menumpukan kepada tinjauan literatur. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan toleransi sosio-agama dikupas secara kritis dalam bab ini. Dalam Bab 3 (metodologi kajian) pula, pengkaji mengupas proses kajian yang dijalankan. Dalam bab ini diterangkan secara terperinci berkenaan dengan lokasi kajian, persampelan, pendekatan kajian, kajian rintis dan analisis kajian. Bab 4 pula memfokus kepada hasil kajian. Dalam bab ini analisis memfokus kepada objektif yang telah digariskan dalam Bab 1, sekaligus membahaskan hasil kajian yang diperolehi. Bab 5 merupakan bab akhir yang

mengandung rumusan dan implikasi kajian. Selain itu, pengkaji juga mengetengahkan beberapa cadangan untuk menambahbaik tahap toleransi sosio-agama khususnya di Sarawak.

### **1.13 Rumusan**

Toleransi antara penganut agama adalah wadah pembangunan daripada pihak kerajaan yang mementingkan pembangunan bangsa sebagai asas pembangunan fizikal. Bertepatan dengan hasrat negara untuk memperkukuhkan lagi perpaduan sudah tentu toleransi antara anggota belia yang terdiri daripada pelbagai anutan agama amat penting difokuskan kerana isu-isu ketegangan antara penganut agama mampu melenyapkan kesepaduan yang kita capai pada masa ini. Oleh itu, keseluruhan dalam bab ini telah memperincikan mengenai pengenalan tentang toleransi agama, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, kerangka konsep dan teori yang berkaitan dengan agama dan toleransi.

## RUJUKAN

- Abdul Fatah. (n.d.). *Toleransi Menurut Pandangan Islam*. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/82879838/Toleransi-Beragama-Dalam-Perspektif-Al#scribd>
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2014). *Demokrasi di Malaysia*. Kuala Lumpur, KL: ITBM.
- Abdul Rahman Abdul Aziz, hmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, & Muhamed Nor Azman Nordin (2014). *Ke Arah Pemupukan Dalam Kepelbagaian Masyarakat I Malaysia*. Kuala Lumpur, KL: ITBM.
- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Adeney, W. F. (1926). Toleration. In J. Hastings (Ed.), *Encyclopedia of Religion and Ethics* (Vol. Vol. 12). Edinburgh: T & T Clark.
- Ahamed, N. (2013) *Anti-islam sentiments and America's history of religious intolerance*. Retrieved from: <http://stanford.edu/group/avicenna/cgi-bin/wordpress/wp-content/uploads/2013/06/Anti-Islam-Sentiments-and-Americas-History-of-Religious-Intolerance.pdf>
- Talib, A. T. (2010). *Socio-religious Tolerance: Malaysia as a Case Study*. Ph.D, University of Wales, Lampeter.
- Talib, A. T. & Gill, S. S. (2012). *Socio-religious Tolerance: Exploring the Malaysian Experience*. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49 - 54.
- Talib A. T, Jawan, J. A., Ahmad, Z., Gill, S. S., Ismail, I. A., Rosnon, M. R., & Isa, N. A. (2012). *Laporan Kajian Toleransi Sosio-agama di Semenanjung Malaysia*. Putrajaya: Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Talib, A. T., Sarjit S. Gill & Nazri Muslim. (2013). *Agama dan Hubungan Etnik di Malaysia*. Dalam Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit S. Gill, Talib, A. T., Ho Hui Ling, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd Yusof & Nazri Muslim, *Hubungan Etnik di Malaysia* (Edisi Ketiga). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Talib, A. T., Nur Ayuni Mohd Isa, Gill, S.S., Zaid Ahmad, Jawan, J., & Abd Hakim Mohad (2014). *Persepsi Terhadap Toleransi Sosio Agama di Sabah dan Sarawak*. Dlm Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar (Eds.), *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective* (pp. 1-11). Bangi: Selangor.
- Ahmad, Z. (2003). *Euphoria of Diversity: Islam and Religious Coexistence in Post-Independence Malaysia*. In Y. Harun (Ed.), *Malaysia Papers on Development, Religion and Politics*. Wellington: Victoria University of Wellington.

- Ahmad, Z. (2007). Multiculturalism and Religio-Ethnic Plurality; The Malaysian experience [multiculturalism]. *Culture and Religion*, 8(2), 139 - 153.
- Ali Akbar, J. (2014). *Toleransi Menurut Pandangan Islam*. Retrieved from: [http://www.academia.edu/9628814/Toleransi Menurut Pandangan Islam](http://www.academia.edu/9628814/Toleransi_Menurut_Pandangan_Islam)
- Aziz, A., & Shamsul, A. B. (2004). *The Religious, The Plural, The Secular and The Modern: a Brief Critical Survey on Islam in Malaysia*. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3), 341-356.
- Bergen, C.W.V, & Bandow, D. (2010). *Tolerance in HR education*. *Journal of Human Resources Education*, 4(1), 1-13.
- Biver, E. (2014). *Religious Nationalism: Myanmar and the Role of Buddhism in Anti-Muslim Narratives*. Retrieved from: <http://lup.lub.lu.se/luur/download?func=downloadFile&recordOId=4778729&fileOId=4778731>
- Black, Alan W. (1996). *Is scientology a religion* Los Angeles, USA: Freedom Publishing.
- Department of Justice. (2011). *Confronting discrimination in the post-9/11 era: Challenges and opportunities ten years later*. Retrieved from: [http://www.justice.gov/sites/default/files/crt/legacy/2012/04/16/post911summitreport\\_2012-04.pdf](http://www.justice.gov/sites/default/files/crt/legacy/2012/04/16/post911summitreport_2012-04.pdf)
- Esch, P.V., Esch, L.J.V, & Cowley, J.C.P. (2013). *The Dimensions of Religion as Underpinning Constructs for Mass Media Social Marketing Campaigns: An Emerging Concept*. *International Journal of Marketing Studies*, 5(1), 96-106.
- Farawahida Yusof, Aminuddin Ruskam, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, Nur Raihan Nordin & Sharifah Munirah Timmiati. (t.t). *Laporan Kajian Kaedah Penyelesaian Dalam Menangani Pertukaran Agama Dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam Di Johor, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ferrar, J. W. (1976). *The Dimensions of Tolerance*. *The Pacific Sociological Review*, 19(1), 63 - 81.
- Farooq Hassan. (2012). *Islam: A Religion of Tolerance or Terrorism* (an analytical and critical study). *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research In Business*, 3(10), 822-830.
- Haslina Ibrahim & Ferdaus Harun. (2014). *Dialog Antara Agama Dan Sumbangan Terhadap Perpaduan Nasional: Status, Prospek Dan Cabaran*. Dalam Kamaruddin M. Said (Ed.), *Perpaduan Nasional Dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Terengganu: Penerbit Unisza.

- Hassan, S. Z. S. (2012). Islamisasi dan Transformasi Identiti Melayu. In S. Z. S. Hassan (Ed.), *Agama dan Pembentukan Identiti: Kumpulan Esei Mengenai Pengalaman Masyarakat Malaysia* (pp. 35-53). Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Helwa Mohammad Zainal, & Jasri Jamal. (2013). *Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran*. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 13-36.
- Human Rights Watch. (2013). *In religion's name: Abuses Against Religious Minorities in Indonesia*. Retrieved from <https://www.hrw.org/report/2013/02/28/religions-name/abuses-against-religious-minorities-indonesia>
- Ibrahim Abu Bakar. (2013). *The Religious Tolerance in Malaysia: An Exposition*. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 7(1), 90-97.
- Ismail, W. A. W. (2001). Building Effective Ethical-moral Co-operation in a Pluralist Universe. In J. A. Camilleri (Ed.), *Religion and Culture in Asia Pacific: Voilence or Healing?* (pp. 7-16). Melbourne: Vista Publications.
- Jalaludin, H. 2004. *Psikologi Agama*. Jakarta, Pt. Raja Grafindo Persada.
- Kanisius. (2010). *Makna Hidup Dalam Terang Iman Katolik*. Jakarta, Indonesia: Penerbit Kanisius.
- Kine, P. (2014). *Indonesia's Growing Religious Intolerance*. Retrieved from: <https://www.opendemocracy.net/openglobalrights/phelim-kine/indonesia%E2%80%99s-growing-religious-intolerance>
- Laursen, J. C. (2005). Toleration. In M. C. Horowitz (Ed.), *New Dictionary of The History of Ideas* (Vol. Vol. 6). London: Thomson Gale.
- Lane, A.D. (2014). *How to Study the Sacred: An Introduction to Religious Studies*. California, USA: Lulu.com.
- Liow, J., & Leifer, M. (2014). *Dictionary of the Modern Politics of Southeast Asia*. Oxon, London: Routledge.
- Madasamy, T. (2002). *Sharing Your Faith With A Hindu*. Michigan, MI : Baker Books.
- Marlissa Mohammad. (2015, Januari 27). *Sentimen Anti-Islam Meningkat*. Sinar. Retrieved from: <http://www.sinarharian.com.my/global/sentimen-anti-islam-meningkat.1.354548>
- Mas'od, M.J. (2008). *Hujah Menolak Penggunaan Kalimah 'Allah' oleh Kristian*. Retrieved from: [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/hujah\\_tolak\\_guna\\_allah\\_oleh\\_kristian.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/hujah_tolak_guna_allah_oleh_kristian.pdf)

- Mohd Roslan Mohd Nor.(2011). *Religion Tolerance in Malaysia: An Overview*. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 9(1), 23-27.
- Mansor Mohd Noor. (2010). *Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara*. *Demokrasi*, IX (2), 185-207.
- Mansor Mohd Nor, Mohamad Ainuddin Iskandar Lee & Rusdi Omar. (2005). *Hubungan Etnik di Malaysia: Satu Sorotan Ringkas*. Dalam Roziyah Omar & Sivamurugan Pandian (Eds.), *Malaysia: Isu-Isu Sosial Semasa*. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Sosial Malaysia.
- Mastor, K. A., Jin, P., & Cooper, M. (2000). *Malay Culture and Personality: A Big Five Perspective*. *American Behavioral Scientist*, 44, 95-111.
- Means, G. P. (1978). *Public Policy Toward Religion in Malaysia*. *Pacific Affairs*, 51(3), 384 - 405.
- Mohamed, S. K. B. S. (1971, 12<sup>th</sup> - 14<sup>th</sup> August). *Religious Toleration in Sabah*. Paper presented at the Seminar on Malaysia in Perspective, Victoria, Australia.
- Nazri Muslim. (2014). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa & Ahmad Hidayat Buang. (2011). *Hubungan Etnik Di Malaysia dari Perspektif Islam*. *Kajian Malaysia*, 29 (1), 1–28.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan. Malaysia*: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Norayu Basir & Azizah Abdullah (2014). *Murtad : Satu Wacana Sosial*. Retrieved from:  
[http://www.researchgate.net/publication/269223753\\_Murtad\\_Satu\\_Wacana\\_Sosial](http://www.researchgate.net/publication/269223753_Murtad_Satu_Wacana_Sosial)
- Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali. (2013). *Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges*. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 81-91.
- O'Brian, M.A., & Kelly, M. (2005). *Wisdom for Life*. SA, Australia : ATF Press.
- Osman Bakar.(2011).*The Evolving Face of Religious Tolerance in Post-Colonial Malaysia:Understanding its Shaping Factor*. *Islam and Civilisational Renewal*, 2(4), 621-638.
- Powell, R., & Clarke, S.(2013). Religion, tolerance and intolerance: Views from across the disciplines, in S. Clarke, R. Powell & J. Savulescu (Eds.), *Religion, intolerance and conflict: A scientific and conceptual investigation*(pp. 2-36). Oxford :OUP Oxford.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. (2011). Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia. *Kajian Malaysia*, (29)(2), 91–110.

- Rumagit, S.K. (2013). Kekerasan dan diskriminasi antar umat beragama di Indonesia . *Lex Administratum* , 1(2), 56-64.
- Schissler, M., Walton, M.J., & Thi, P.P. (2015). *The roots of religious conflict in Myanmar*. Retrieved from <http://thediplomat.com/2015/08/the-roots-of-religious-conflict-in-myanmar/>
- Schouler, K., & Anthony, S. (2009). *The everything hinduism book: Learn the traditions and rituals of the "religion of peace"*. Massachusetts, MA : Everything Books.
- Singh, A.(2014). The sikh notion of religious tolerance. *Reviews of Literature*, 1(10), 1-6.
- Smith, D.W., & Burr, E. G. (2014). *Understanding world religions: A road map for justice and peace*. London, United Kingdom: Rowman & Littlefield.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. (Edisi Kedua). Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2010). *Unity in Diversity. The Malaysian Experience*. Siri Kertas Kajian Etnik Bil. 13 (Oktober). Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.
- Shamsul, A. B. (2005). *Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe*. *Asia Europe Journal*, 3(2), 159-178.
- Smart, N. (1991). *The Religious Experience* (4<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Verkuyten, M., & Slooter, L. (2007). *Tolerance of Muslim Beliefs and Practices: Age Related Differences and Context Effects*. *International Journal of Behavioral Development*, 31(5), 467-477.
- Wan Mohamad, W.M.W. (2008, Mac 28). *Memupuk Toleransi Agama di Kampus. Utusan*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0328&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0328&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm)
- Wong, S. (2011) . *Discuss the Importance of Religion in Society Today*. Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/50929348/Discuss-the-importance-of-religion-in-society-today#scribd>
- Welyne Jeffrey Jehom. (2002). *Ethnic Pluralism and Ethnic Relations in Sarawak*. *Akademika*, 61, 53 - 70.
- Zaid Ahmad. (2013). *Pengenalan Hubungan Etnik di Malaysia Secara Umum*. Dalam Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ho Hui



Ling, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd Yusof & Nazri Muslim, *Hubungan Etnik di Malaysia* (Edisi Ketiga). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Zulkifli Hassan & Norfadhilah Mohd Ali (2007). *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Retrieved from: <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/11/murtad-perspektif-undang2-malaysia.pdf>

Zulkifli Hassan. (2013) *Memahami Isu Islamophobia: Antara Persepsi dan Realiti*. Retrieved from: <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/memahami-isu-islamophobia1.pdf>

Zulkiple Abd.Ghani & Abu Mansor, N.S. (2006). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. Retrieved from [http://eprints.utm.my/375/1/ZULKIPLEABDGHANI2006\\_Penghayatanagamas\\_ebagaiasaspembangunan.pdf](http://eprints.utm.my/375/1/ZULKIPLEABDGHANI2006_Penghayatanagamas_ebagaiasaspembangunan.pdf)